

MODUL CELIK KEWANGAN

BSN - KPM SEKOLAH RENDAH



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Kata Pengantar	3
Pendahuluan	4
Matlamat & Objektif	5
Definisi Konsep Kewangan	5
Kerangka Pendidikan Kewangan	6
Sidang Redaksi & Panel Penggubal	12
Jadual Kandungan Modul Celik Kewangan BSN Sekolah Rendah	
i. Elemen CK 1	13 -28
- Wang, Sumber Pendapatan & Kerjaya	
ii. Elemen CK 2	29 - 39
- Tanggungjawab & Membuat Keputusan Kewangan	
iii. Elemen CK 3	40 - 55
- Pengurusan & Perancangan Kewangan	
iv. Elemen CK 4	56 - 67
- Simpanan & Pelaburan	
v. Elemen CK 5	68 - 74
- Pengurusan Kredit & Hutang	
vi. Elemen CK 6	75 - 82
- Pengurusan Risiko, Perlindungan & Takaful / Insurans	

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita kehadiran Ilahi atas nikmat kurniaNya, BSN telah menerbitkan 'Modul Celik Kewangan BSN Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah' sebagai bahan sokongan elemen pendidikan kewangan dalam kokurikulum sekolah. BSN berbesar hati kerana mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Elemen pendidikan kewangan merupakan elemen penting dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi serta dianggap sebagai kemahiran hidup yang amat penting dalam abad ke-21. Sehubungan itu, KPM dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah bekerjasama untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan dalam kokurikulum sekolah.

Banyak kajian dilakukan telah mengesahkan kepentingan pendidikan kewangan pada awal usia kanak-kanak. Antara kesan positifnya adalah ia mampu membentuk dan menggalakkan tingkah laku kewangan yang sihat pada masa hadapan. Memandangkan kedudukan dan tahap celik kewangan rakyat Malaysia pada masa kini masih rendah, maka keutamaan diberikan pada penggunaan wang secara bijak, perbelanjaan dan simpanan yang mampu membentuk asas kemahiran kewangan. Justeru, BSN mengambil inisiatif menghasilkan modul ini sebagai salah satu cara agar mereka celik berkaitan kewangan.

BSN merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih atas kerjasama daripada pelbagai pihak terutama guru-guru sekolah dan kakitangan yang terlibat sehingga berjaya menerbitkan modul ini.

Sekian,

Jay Khairil

Ketua Eksekutif BSN

PENDAHULUAN

Menurut artikel ditulis oleh Mohd Riduan Masri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau menyatakan bahawa elemen pendidikan kewangan adalah sebuah proses yang meningkatkan pemahaman produk, konsep dan risiko kewangan supaya dapat mengambil tindakan berkesan demi kesejahteraan kewangan. Ini adalah bagi meningkatkan pendedahan kepada murid mengenai kepentingan membuat keputusan kewangan yang bijak bagi menjamin kesejahteraan individu, masyarakat dan negara.

Menerusi kajian BNM, kadar peningkatan golongan muda diisytiharkan mufliis adalah dalam kadar yang membimbangkan. Hal ini kerana, kekurangan pengetahuan dan disiplin dalam mengurus kewangan dikenal pasti sebagai punca utama mufliis. Generasi muda kebanyakannya mula berhutang ketika mereka berada di institusi pengajian tinggi dan awal pekerjaan. Implikasinya, kesilapan dalam percaturan perbelanjaan akan menyebabkan mereka mudah terperangkap. Selain itu, golongan muda yang memenuhi tuntutan gaya hidup masa kini dan sering berbelanja di luar kemampuan menyebabkan mereka menjadi mufliis pada usia yang muda. Perkara seperti ini adalah satu perkara yang sangat membimbangkan.

Oleh itu, wujudnya Modul Celik Kewangan BSN ini adalah salah satu inisiatif bagi memberi pendedahan awal kepada murid-murid sejak di bangku sekolah lagi. Seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah daripada rebungnya'. Modul ini juga bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murid terhadap pengurusan dan perancangan kewangan. Tumpuan utama diberikan terhadap pengurusan kewangan, simpanan, pelaburan, pengurusan kredit, hutang serta perlindungan insurans dan kerahsiaan maklumat peribadi. Modul ini turut mengandungi contoh aktiviti atau program yang boleh dilaksanakan di luar bilik darjah semasa program kokurikulum berlangsung. Para guru boleh menggunakan modul ini bagi mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan dalam mata pelajaran yang difikirkan relevan dan bersesuaian.

MATLAMAT

Modul Celik Kewangan BSN ini bermatlamat untuk melahirkan murid yang celik berkaitan kewangan, mempunyai ilmu dan kefahaman serta berkemahiran dalam menguruskan kewangan agar mereka lebih berkeyakinan dalam menguruskan kewangan dengan cekap selain bijak membuat keputusan kewangan.

OBJEKTIF

Modul Celik Kewangan BSN bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak.
2. Mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika.
3. Berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

DEFINISI KONSEP KEWANGAN

Celik Kewangan

Menurut sumber News Straits Times (2015), celik kewangan atau literasi kewangan bermaksud kebolehan untuk membuat pertimbangan yang wajar dan mengambil keputusan efektif berkaitan dengan penggunaan dan pengurusan wang. Ini bermakna pengetahuan kewangan atau tahap celik kewangan yang tinggi mendorong kepada tingkah laku untuk menyimpan atau menabung dalam kalangan murid sekolah.

KERANGKA PENDIDIKAN KEWANGAN

CK 1

Wang, sumber pendapatan
dan kerjaya

CK 2

Tanggungjawab dan membuat keputusan
keuangan

CK 3

Pengurusan
dan perancangan kewangan

CK 4

Simpanan
dan pelaburan

CK 5

Pengurusan kredit
dan hutang

CK 6

Pengurusan risiko,
pelindungan dan insurans

6 elemen tersebut merupakan standard celik kewangan yang telah ditetapkan oleh BNM untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan.

PELAKSANAAN

BSN telah menghasilkan panduan dalam modul ini mengikut 6 elemen celik kewangan yang telah digariskan dan boleh dilaksanakan dengan masa dicadangkan mengikut tajuk ditetapkan.

Modul ini mengandungi 6 tajuk yang memberi tumpuan kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai celik kewangan. Ini bertujuan bagi melahirkan murid yang boleh membudayakan kemahiran mengurus kewangan dengan cekap selain bijak membuat keputusan kewangan.

Kandungan modul ini boleh dilaksanakan mengikut mata pelajaran yang bersesuaian di dalam bilik darjah, kegunaan bagi aktiviti kokurikulum dan program khas anjuran sekolah serta BSN.

**JADUAL: KANDUNGAN MODUL CELIK KEWANGAN BSN
DALAM KOKURIKULUM SEKOLAH RENDAH**

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 1 Wang, sumber pendapatan & kerjaya	Topik 1.1 Mata wang	<ul style="list-style-type: none">• Murid dapat mentakrifkan wang sebagai medium pertukaran dalam urusan jual beli atau perkhidmatan.• Murid dapat memahami tentang penggunaan wang dari aspek pendidikan, pendapatan, kerjaya atau pendapatan peribadi.• Murid dapat menerangkan peranan wang.• Murid dapat mengenal pasti mata wang yang berbeza bagi setiap negara.• Murid dapat membandingkan nilai mata wang Malaysia dengan mata wang negara lain.• Murid dapat menjelaskan cara wang digunakan untuk membeli barangan/ perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">• Namakan mata wang bagi setiap negara yang telah dipelajari.	1/2 jam
	Topik 1.2 Barangan dan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">• Murid dapat menerangkan perbezaan barangan atau perkhidmatan• Murid dapat menjelaskan cara wang digunakan untuk membeli barangan atau perkhidmatan.	<ul style="list-style-type: none">• Bezakan 'barangan' atau 'perkhidmatan'	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 1 Wang, sumber pendapatan & kerjaya	Topik 1.3 Sumber pendapatan dan sumber alternatif	<ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif. • Murid dapat menyatakan sumber pendapatan serta sumber alternatif (daripada pekerjaan atau hadiah) ibu bapa, ahli keluarga, jiran, rakan-rakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Senaraikan jenis pekerjaan yang anda tahu 	1/2 jam
	Topik 1.4 Apa itu pendapatan & perbelanjaan?	<ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat mengenal pasti cara membuat pembayaran dengan kaedah pembayaran terkini. • Murid dapat menjelaskan hubungan pendapatan dan perbelanjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bezakan 'pendapatan' atau 'perbelanjaan' 	1/2 jam
CK 2 Tanggungjawab dan membuat keputusan Kewangan	Topik 2.1 Membuat keputusan kewangan secara bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Murid akan dapat membuat keputusan kewangan peribadi secara sistematik berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai. • Menyenaraikan contoh keputusan kewangan dan akibatnya. • Mengenal pasti cara untuk menjadi murid yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencari dan mewarna jawapan yang tepat 	1/2 jam
	Topik 2.2 Menjelaskan undang-undang perlindungan pengguna yang utama secara ringkas	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan hak dan tanggungjawab pengguna. • Membandingkan dasar pemulangan barangan di pusat jualan setempat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hak-hak pengguna di Malaysia 	1/2 jam
	Topik 2.3 Apa itu kontrak?	<ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan sebab orang ramai perlu membuat ikatan kontrak. • Membezakan kontrak bertulis dengan kontrak lisan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan kontrak bertulis dan lisan 	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 3 Pengurusan dan Perancangan Kewangan	Topik 3.1 Keputusan kewangan secara sistematik dengan mengambil kira alternatif dan kesan	<ul style="list-style-type: none"> Membuat keputusan kewangan secara sistematik termasuk simpanan, perbelanjaan dan derma. Menghubungkan wang sebagai sumber yang terhad dengan kepentingan mengurus wang secara berhemah dalam memenuhi 'kehendak' dan 'kepentingan' masa hadapan. 	<ul style="list-style-type: none"> Main peranan : kad situasi 	1/2 jam
	Topik 3.2 Kebolehan untuk menetapkan matlamat berdasarkan kehendak dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Membezakan antara matlamat jangka pendek dengan matlamat jangka panjang. Mengenal pasti langkah-langkah dalam proses penetapan matlamat. Menghasilkan matlamat yang mempunyai jangka masa dan boleh dicapai. Menerangkan perbezaan antara 'keperluan' dengan 'kehendak'. 	<ul style="list-style-type: none"> Suai padan keperluan dan kehendak 	1/2 jam
	Topik 3.3 Menyediakan pelan perbelanjaan dan simpanan	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan konsep pelan perbelanjaan. Menyenaraikan faktor untuk menentukan keputusan dalam berbelanja. Menyediakan bajet mingguan / bulanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Bankaroo 	1/2 jam
	Topik 3.4 Menyediakan rekod kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Membantu murid untuk menunjukkan keupayaan dalam merekodkan perbelanjaan / simpanan wang saku harian. 	<ul style="list-style-type: none"> Peta Buih 	1/2 jam
	Topik 3.5 Simpanan & perbelanjaan	<ul style="list-style-type: none"> Membandingkan kebaikan antara menyimpan dengan berbelanja. Menerangkan kesan berbelanja atas simpanan. Mengenal pasti tabiat sendiri terhadap simpanan dan perbelanjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Senaraikan kesan berbelanja secara berlebihan 	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 4 Simpanan dan Pelaburan	Topik 4.1 Simpanan dan pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Mengaitkan kepentingan menyimpan untuk mencapai keperluan matlamat kewangan masa hadapan. Menerangkan cara mengurangkan perbelanjaan untuk menambah simpanan. Mengenali cara-cara menyimpan. Membezakan dan memberi contoh simpanan/pelaburan. Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh 'bertambah' atau 'berkurangan'. Menyediakan pelan simpanan berdasarkan matlamat. 	<ul style="list-style-type: none"> <i>Track your budget</i> 	1/2 jam
	Topik 4.2 Kebaikan menyimpan dan melabur wang	<ul style="list-style-type: none"> Menyenaraikan kebaikan menyimpan atau melabur wang di institusi kewangan. Mengenal pasti pelbagai pilihan menyimpan atau melabur. 	<ul style="list-style-type: none"> Pilih yang betul 	1/2 jam
	Topik 4.3 Memahami kaitan antara risiko dengan pulangan pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh bertambah. Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh berkurangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Graf risiko-pulangan 	1/2 jam
CK 5 Kredit & Hutang	Topik 5.1 Memahami konsep kredit dan mengenal pasti pelbagai jenis kredit termasuk faedah dan kos masing-masing	<ul style="list-style-type: none"> Memahami kebaikan/kelemahan kredit/hutang. Menjelaskan kegunaan kredit/hutang. Menjelaskan pentingnya untuk membayar hutang/kredit. 	<ul style="list-style-type: none"> Nyatakan jenis-jenis kredit 	1/2 jam
	Topik 5.2 Kad kredit dan kaedah pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan penggunaan kredit. Mengenal pasti masa atau situasi yang sesuai untuk menggunakan kad kredit. 	<ul style="list-style-type: none"> Peta buih 	1/2 jam

Elemen Celik Kewangan	Tajuk	Hasil Pembelajaran	Aktiviti	Masa / Jam
CK 6 Pengurusan risiko, perlindungan & takaful/insurans	Topik 6.1 Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti	<ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan maklumat peribadi yang tidak boleh didedahkan kepada orang lain. • Menerangkan takaful/insurans dapat mengurangi bebanan akibat kemalangan, sakit, kematian dan lain-lain. • Memahami kepentingan dokumen bertulis dan jenis perlindungan untuk murid. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hot seat 	1/2 jam
	Topik 6.2 Risiko terhadap individu	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami definisi risiko • Mengetahui jenis-jenis risiko kepada individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Simulasi 	1/2 jam
	Topik 6.3 Menerangkan tujuan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetahui definisi insurans / takaful dan jenis-jenis insurans / takaful • Mendapat kesedaran tentang pentingnya insurans / takaful 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan 	1/2 jam

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Suzaini Mukhtar
Naib Presiden Kanan /Ketua, Jabatan Deposit & Pembayaran

Penasihat Editorial

Roslin Marjumin
Pengurus, Jabatan Deposit & Pembayaran

Wan Roslinawati Mohd Yaakob
Ketua Seksyen, Jabatan Deposit & Pembayaran

Editor

Dsuhada Ahmad
Nur Azian Shahrir
Mohd Marzuan Mohd Yusof

Grafik & Reka Bentuk Susun Atur

Nasrul Shazli Samil
Nasrul Hafiz Hamzah
Hazman Zuhairy Syahrizal

SENARAI PANEL PENGGUBAL MODUL

Puan Nurul Shahida Binti Hj. Ahmad
Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum, KPM


Panel Penggubal:

Modul Sekolah Rendah

Mohamad Paizal Bin Sanek - SK Binjai Jaya • Abdul Halim Bin A.Hamid - SK Desa Pandan, KL
• Rafidah Binti Ahmad - SK Putrajaya Presint 11(2) • Zulfadli Bin Zainal Abidin - SK St. Gabriel
• Jamilah Binti Mohamad - SK Kerubong • Wan Mohd Akmal Bin Mansor - SK Putrajaya Presint
8(3) • Mohd Hasani Abdul Aziz - SK Taman Kosas • Nor Azizah Binti Zakaria - SK Ampang •
Mohd Hafiz Bin Mungin - SK Jalan U3

Modul Sekolah Menengah

Nik Noralhuda Binti Nik Mohamed - SMK Putrajaya Presint 5(1) • Mardiana Binti Zainal - SMK
Dato' Ahmad Razali • Nor Azlina Binti Robani @ Mohyi - SMK Putrajaya Presint 9(2) • Roslan Bin
Haliman - SMK Seri Permaisuri • Zarith Shima Binti Ruslan - SMK St. Mary • Mohd Yazid Bin
Umar - SMK Jalan Empat • Zurainie Binti Mohamad Salleh Dzulkefli - SMK Batu Muda



ELEMEN CK 1 **WANG, SUMBER PENDAPATAN & KERJAYA**



TOPIK 1.1

MATA WANG

Hasil Pembelajaran

- Murid dapat mentakrifkan wang sebagai medium pertukaran dalam urusan jual beli atau perkhidmatan.
- Murid dapat memahami tentang penggunaan wang dari aspek pendidikan, pendapatan, kerjaya atau pendapatan peribadi.
- Murid dapat juga dapat menerangkan peranan wang.
- Murid dapat mengenal pasti mata wang yang berbeza bagi setiap negara.
- Murid dapat membandingkan nilai mata wang Malaysia dengan mata wang negara lain.
- Murid dapat menjelaskan cara wang digunakan untuk membeli barangan/perkhidmatan.

1.1.1 APAKAH ITU MATA WANG?

Mata wang adalah satu unit bagi pertukaran, pemudahan pemindahan barangan atau perkhidmatan. Mata wang juga merupakan bilangan duit syiling dan kertas yang digunakan sebagai wang. Mata wang juga adalah medium pertukaran kedominanan.



1.1.2 Mata Wang Dunia

- Mengenal pasti mata wang yang berbeza bagi setiap negara.



Amerika Syarikat
US Dollar



United Kingdom
Pounds Sterling



Eropah
Euro



Jepun
Yen



Malaysia
Ringgit Malaysia



Indonesia
Rupiah



Singapura
SG Dollar



Thailand
BHAT



Brunei
Dolar Brunei



Kemboja
Riel



Laos
Kip



Myanmar
Kyat



Filipina
Peso



Vietnam
Dong

Aktiviti 1

Namakan mata wang bagi setiap negara yang telah dipelajari.



1.1.3 Membandingkan nilai mata wang Malaysia dengan mata wang negara lain.

Apakah nilai mata wang?

Nilai ringgit ditentukan oleh pasaran. Sama seperti kebanyakan barangan dan perkhidmatan yang kita beli, kadar pertukaran mata wang adalah berdasarkan permintaan dan penawaran dalam pasaran pertukaran asing. Oleh itu, kadar pertukaran kita adalah fleksibel dan boleh diselaraskan bergantung kepada perkembangan ekonomi dan kewangan, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.

Fleksibiliti ini penting kerana ia membolehkan ekonomi kita menyesuaikan dengan keadaan yang berubah-ubah.

Aktiviti 2 : Padankan nilai mata wang ASEAN

<https://wordwall.net/ms/resource/35030133/padankan-nilai-mata-wang>



<https://www.bnm.gov.my/currency-converter>

TOPIK 1.2

BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Hasil Pembelajaran

- Murid dapat menerangkan beza barangan atau perkhidmatan.
- Murid dapat menjelaskan cara wang digunakan untuk membeli barangan atau perkhidmatan.

1.2.1 Apakah Barangan Dan Perkhidmatan?

BARANGAN

Barangan adalah sebuah produk yang boleh digunakan untuk memuaskan kehendak atau keperluan.



PERKHIDMATAN

Kerja dalam bentuk tenaga, kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang dilakukan oleh seseorang individu atau sekumpulan individu yang memberi manfaat kepada orang lain (tanpa menjual barang).



Aktiviti 1

Tuliskan 'Barangan' atau 'Perkhidmatan' di ruangan yang betul.

1. Membeli makanan



2. Menghantar pesanan makanan



3. Persetujuan khidmat



4. Penerangan berkenaan kereta



5. Membeli kereta




6. Membeli makanan harian



7. Menaiki teksi



8. Membaiki kereta



9. Penyerahan kunci rumah



10. Membasuh baju di kedai dobi



TOPIK 1.3

SUMBER PENDAPATAN DAN SUMBER ALTERNATIF

Hasil Pembelajaran

- Murid dapat mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.
- Murid dapat menyatakan sumber pendapatan serta sumber alternatif (daripada pekerjaan atau hadiah) ibu bapa, ahli keluarga, jiran, rakan-rakan.

1.3.1 Perbezaan Pendapatan & Ganjaran

Pendapatan

Pendapatan adalah hasil daripada pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang seperti menjual barang, menyediakan makanan dan lain-lain.

Ganjaran

Ganjaran adalah hasil berupa wang atau hadiah yang diperoleh oleh seseorang melalui aktiviti yang dilakukan seperti menyertai pertandingan dan sebagainya.

1.3.2 Sumber Kewangan Alternatif

Kanak-Kanak

- i. Duit poket
- ii. Duit upah
- iii. Duit dari sumber pertandingan hadiah
- iv. Duit raya

Dewasa

- i. Gaji
- ii. Elaun
- iii. Bonus
- iv. Komisen

1.3.3 Memahami kesan kerjaya, pendidikan, kemahiran dan ekonomi pendapatan

- i. Mengenal pasti pelbagai pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat dan pendapatan yang berkaitan.
- ii. Membezakan antara kerjaya dengan pekerjaan.

Mengenal pasti pelbagai pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat dan pendapatan yang berkaitan.



<https://anyflip.com/icmho/zipd/>

Aktiviti 4

Senaraikan jenis-jenis pekerjaan dan jenis-jenis kerjaya yang anda tahu.

PEKERJAAN

KERJAYA

TOPIK 1.4

APA ITU PENDAPATAN & PERBELANJAAN?

Hasil Pembelajaran

- Murid dapat mengenal pasti cara membuat pembayaran dengan kaedah pembayaran terkini.
- Murid dapat menjelaskan hubungan pendapatan dan perbelanjaan.

1.4.1 Kaedah Pembayaran

- a. Dompet elektronik (*e-wallet*)
- b. Perbankan internet
- c. Pindahan dana elektronik
- d. Sistem tunai elektronik
- e. Kad kredit
- f. Kad debit
- g. Wang tunai
- h. Sistem simpanan nilai dalam talian

1.4.2 Hubungan pendapatan dan perbelanjaan

ii. Maksud pendapatan

Upah atau gaji yang diterima setelah selesai melakukan sesuatu pekerjaan. Upah atau gaji ini biasanya diterima dalam bentuk wang tunai atau wang yang telah dipindahkan ke dalam akaun.

iii. Maksud perbelanjaan

Kos atau bayaran yang dibuat terhadap pembelian atau perkhidmatan dalam proses mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan.




Aktiviti 5

Tuliskan 'Pendapatan' atau 'Perbelanjaan'.

Pembelian kasut



Menjual bunga




Menjual Rumah




Memotong rumput



Hiburan





ELEMEN CK 2
TANGGUNGJAWAB
&
MEMBUAT KEPUTUSAN
KEWANGAN

TOPIK 2.1

MEMBUAT KEPUTUSAN KEWANGAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Hasil Pembelajaran

- Murid akan dapat membuat keputusan kewangan peribadi secara sistematik berdasarkan maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai.
- Menyenaraikan contoh keputusan kewangan dan akibatnya.
- Mengenal pasti cara untuk menjadi murid yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan kewangan.


2.1.1 Contoh keputusan kewangan

KEPUTUSAN KEWANGAN	KETERANGAN
Pemotongan automatik	Lebih wang saku yang diketepikan untuk simpanan dan cara ini dikenali sebagai teknik tanpa sedar wang terkumpul.
Duit Syiling	Sesuai untuk mereka yang tidak suka menggunakan duit syiling untuk membuat pembayaran. Kaedah ini juga menyarankan untuk mengumpul dan mengasingkan duit syiling mengikut nilai iaitu 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen.
Sampul Surat	Cara bajet yang sesuai untuk merancang perbelanjaan bulanan berdasarkan sampul surat. Seterusnya pada setiap sampul surat itu perlu letakkan label item perbelanjaan dan sekiranya pada akhir bulan tersebut ada lebih daripada mana-mana perbelanjaan, lebih tersebut boleh disalurkan kepada sampul surat "simpanan".
Duit ganjil	Cara ini menggalakkan seseorang untuk menyimpan wang kertas yang mempunyai nilai wang yang ganjil seperti RM1.00 jika wang saku yang dibawa RM 5.00. Setiap kali berbelanja dan mempunyai baki wang, pastikan wang kertas tersebut diasingkan dan dikumpulkan sama ada di dalam album atau sampul surat. Andai kata menyimpan RM1.00 sehari, dalam masa sebulan jumlah simpanan yang terkumpul adalah sebanyak RM30.

SITUASI :

Mengenal pasti cara untuk menjadi murid yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan kewangan

Ibu bapa Ali memberi wang saku kepadanya RM 30.00 sekali seminggu. Selepas berbelanja dan mempunyai baki wang, Ali akan memastikan wang kertas RM 1.00 diasingkan dan dikumpulkan sama ada di dalam album atau sampul surat. Andai kata Ali menyimpan RM1.00 sehari, dalam masa sebulan jumlah simpanan yang terkumpul adalah sebanyak RM30 dan dalam tempoh setahun, Ali dapat menyimpan sebanyak RM365.



Tabung Bank Simpanan Nasional

2.1.2 Menilai maklumat kewangan yang didapati daripada pelbagai sumber

- Carian internet.
- Rujukan kepada pegawai kewangan atau perbankan. Penulisan buku oleh penulis yang berpengalaman.
- Rangkaian berita televisyen yang merangkumkan berita kewangan atau perbankan.
- Iklan dalam media bercetak atau dalam talian.
- Pekongsian rakan sebaya dan masyarakat setempat.

Aktiviti 1: Mencari dan mewarna jawapan yang tepat.

<https://thewordsearch.com/puzzle/3951223/sumber-maklumat-kewangan/downloadable/>

TOPIK 2.2

MENJELASKAN UNDANG-UNDANG PELINDUNGAN PENGGUNA YANG UTAMA SECARA RINGKAS

Hasil Pembelajaran

- Menerangkan hak dan tanggungjawab pengguna.
- Membandingkan dasar pemulangan barangan di pusat jualan setempat.

2.2.1 Siapakah Pengguna?

Pengguna merupakan seseorang yang menggunakan barangan, perkhidmatan dan sumber semulajadi untuk menjalani kehidupan seharian.

2.2.2 Menerangkan hak dan tanggungjawab pengguna

Pengguna global mempunyai 8 hak universal, antaranya seperti berikut:

1. **Keperluan asas:** Hak untuk keperluan dan perkhidmatan asas yang menjamin kehidupan: makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan dan sanitasi yang mencukupi.
2. **Keselamatan:** Hak untuk dilindungi daripada barangan yang dipasarkan atau bekalan perkhidmatan yang membahayakan kesihatan dan hidup.
3. **Maklumat:** Hak untuk dilindungi daripada iklan atau label yang tidak jujur atau menyeleweng dan hak untuk mendapatkan fakta dan maklumat yang diperlukan untuk membuat pilihan bermaklumat.
4. **Pilihan:** Hak untuk membuat pilihan barangan dan perkhidmatan pada harga berpatutan dengan jaminan kualiti yang memuaskan.
5. **Perwakilan:** Hak untuk bersuara dalam membentuk dan melaksanakan polisi kerajaan yang berkaitan dengan kepentingan pengguna.
6. **Gantirugi:** Hak untuk mendapat semula gantirugi bagi barang atau perkhidmatan yang tidak menepati gambaran tidak berkualiti atau tidak memuaskan.
7. **Pendidikan pengguna:** Hak untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang perlu.
8. **Alam sekitar yang sihat:** Hak untuk hidup dan bekerja dalam persekitaran yang tidak mengancam ataupun bahaya serta membolehkan hidup penuh dengan martabat dan keselesaan.


2.2.3 Dasar Pemulangan Barang Di Pusat Jualan Setempat

1. Produk atau barangan yang telah dibeli hanya boleh dipulangkan atau ditukar apabila produk atau barangan tersebut mengalami sebarang kecacatan semasa pembuatan.
2. Pemulangan atau pertukaran perlu dibuat dalam masa yang ditetapkan selepas menerima barang tersebut.
3. Produk atau barangan yang dibeli juga haruslah dipulangkan di premis yang sama semasa ia dibeli.
4. Produk yang dipulangkan haruslah berada dalam keadaan yang sama semasa ia dihantar, lengkap dengan dokumentasi asal dan aksesori.

Aktiviti 2:

Maze Chase: Hak-Hak Pengguna Di Malaysia.

<https://wordwall.net/resource/23035323>



TOPIK 2.3

APA ITU KONTRAK?

Hasil Pembelajaran

- Menjelaskan sebab orang ramai perlu membuat ikatan kontrak.
- Membezakan kontrak bertulis dengan kontrak lisan.

2.3.1 Kontrak

1. Definisi Kontrak

Kontrak secara dasarnya adalah perjanjian di antara dua pihak untuk melakukan, tidak melakukan atau menjanjikan sesuatu, yang sah dari segi undang-undang.

2. Definisi Perjanjian

Perjanjian adalah suatu persetujuan di antara dua pihak atau lebih, berkenaan sesuatu perkara. Perlulah difahami bahawa istilah kontrak adalah lebih khusus manakala istilah perjanjian adalah lebih umum. Hanya perjanjian yang mempunyai ciri-ciri kontrak sahaja yang mempunyai implikasi undang-undang.

2.3.2 Ciri-ciri asas kontrak

1. Ada tawaran.
2. Ada penerimaan.
3. Ada pernyataan.

2.3.3 Kepentingan kontrak

1. Kontrak bertulis untuk memudahkan pembuktian tentang kewujudan kontrak. Kontrak lisan sukar untuk dibuktikan di mahkamah.
2. Tidak tertipu dengan perjanjian mulut.
3. Jaminan satu perjanjian antara dua pihak.

2.3.4 Perbezaan kontrak bertulis dan kontrak lisan

1. Kontrak yang dibuat secara bertulis juga lebih jelas dan tepat. Pihak-pihak yang berkontrak dapat memahami kewajipan dan hak masing-masing secara menyeluruh dengan adanya kontrak bertulis.
2. Undang-undang bertulis adalah undang-undang yang diluluskan oleh badan perundangan.
3. Undang-undang tidak bertulis pula undang-undang yang diperolehi secara tidak langsung melalui keputusan mahkamah, adat dan bahan-bahan rujukan lain.

Aktiviti 3

<https://wordwall.net/ms/resource/35064447/perbezaan-kontrak-bertulis-dan-lisan>





ELEMEN CK 3
PENGURUSAN
&
PERANCANGAN
KEWANGAN

TOPIK 3.1

KEPUTUSAN KEWANGAN SECARA SISTEMATIK DENGAN MENGAMBIL KIRA ALTERNATIF DAN KESAN

Hasil Pembelajaran

- Membuat keputusan kewangan secara sistematik termasuk simpanan, perbelanjaan dan derma.
- Menghubungkan wang sebagai sumber yang terhad dengan kepentingan mengurus wang secara berhemat dalam memenuhi 'kehendak' dan 'kepentingan' masa hadapan.

3.1.1 Kepentingan Pengurusan Kewangan

Definisi:

- **Simpanan** – duit yang diperolehi daripada sumber pendapatan dan disimpan untuk kegunaan ketika kecemasan.
- **Berbelanja** – menggunakan wang untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan.
- **Derma** – bantuan yang berupa wang sebagai satu pemberian kepada yang berkeperluan.


3.1.2 Kepentingan mengurus wang secara berhemat:

- Mencapai kestabilan kewangan.
- Memenuhi keperluan perbelanjaan.
- Mempunyai simpanan yang mencukupi.
- Mampu menanggung kos penjagaan kesihatan/ kecemasan.

AKTIVITI 1 (rujuk lampiran)

1. Menyenaikan kepentingan mengurus wang dalam bentuk peta bulatan.
2. Lakonkan peranan berikut –
Kad Situasi – Jual beli di kantin sekolah
Kad Watak 1
Kad Watak 2

AKTIVITI 1: Peta Bulatan



AKTIVITI 2: Main Peranan

KAD SITUASI

SITUASI:

Kamu diberi wang berjumlah RM15.00 untuk dibelanjakan di kantin sekolah. Lakonkan situasi kamu membelanjakan wang tersebut.

KAD WATAK

Watak A

Bella



Watak B

Noah



TOPIK 3.2

KEBOLEHAN UNTUK MENETAPKAN MATLAMAT BERDASARKAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN

Hasil Pembelajaran

- Membezakan antara matlamat jangka pendek dengan matlamat jangka panjang.
- Mengenal pasti langkah-langkah dalam proses penetapan matlamat.
- Menghasilkan matlamat yang mempunyai jangka masa dan boleh dicapai.
- Menerangkan perbezaan antara 'keperluan' dengan 'kehendak'.

3.2.1 Matlamat Jangka Pendek & Jangka Panjang

Jangka Pendek	Jangka Panjang
6 bulan hingga 5 tahun	Lebih dari 10 tahun
Contoh: peranti elektronik, pakaian	Contoh: rumah, berumah tangga

3.2.2 Langkah-langkah penetapan Matlamat

- Kategorikan setiap matlamat.
- Tetapkan tarikh sasaran bagi setiap matlamat.
- Utamakan setiap matlamat kewangan.
- Tahu kapasiti simpanan.

3.2.3 Perbezaan keperluan dan kehendak

Keperluan	Kehendak
Sesuatu yang mesti dimiliki untuk terus hidup	Barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang diinginkan untuk meningkatkan kualiti dan keseronokan hidup
Contoh: makanan, tempat tinggal, pakaian	Contoh: melancong, barang mainan, kereta mewah

AKTIVITI 3: Suai Padan



Makanan



Permainan



Rumah

Keperluan



Percutian

Kehendak



Pakaian



Kereta

AKTIVITI 4: Papan Impian



TOPIK 3.3

MENYEDIAKAN PELAN PERBELANJAAN DAN SIMPANAN

Hasil Pembelajaran

- Menerangkan konsep pelan perbelanjaan.
- Menyenaraikan faktor untuk menentukan keputusan dalam berbelanja.
- Menyediakan bajet mingguan / bulanan.

3.3.1 Konsep Pelan Perbelanjaan

Definisi:

Perancangan membelanjakan dan mengurus wang untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan secara berhemah dan teratur.

3.3.2 Faktor-faktor menentukan keputusan untuk berbelanja

i. Psikologi

- Tahap pemikiran seseorang untuk membuat keputusan dalam berbelanja.

ii. Sosial

- Perihal yang berkaitan dengan masyarakat dan orang sekeliling dapat mempengaruhi manusia membuat pilihan untuk berbelanja

iii. Budaya

- Gaya hidup seseorang

iv. Ekonomi


- Status ekonomi atau sumber pendapatan akan menentukan keupayaan individu itu berbelanja

v. Peribadi

- Faktor sendiri yang memberi kesan

AKTIVITI 1: Peta Buih

Senaraikan faktor-faktor yang menentukan keputusan untuk berbelanja.




AKTIVITI 2: Sampul Tunai

Arahan:

1. Murid menghasilkan beberapa keping Sampul Tunai.
2. Setiap sampul tersebut dilabel dengan tujuan tertentu seperti:
 - Duit Makan
 - Duit Alat Tulis
 - Duit Mainan atau Hobi
 - Duit Simpanan
3. Murid menerangkan tentang label sampul mereka.

CONTOH SAMPUL TUNAI



TOPIK 3.4

MENYEDIAKAN REKOD KEWANGAN

Hasil Pembelajaran

- Membantu murid untuk menunjukkan keupayaan dalam merekodkan perbelanjaan/simpanan wang saku harian.

3.4.1 Apakah rekod kewangan?

1. Merupakan rekod perbelanjaan dan simpanan individu yang bertujuan untuk mengawal kewangan.
2. Berperanan juga sebagai catatan yang boleh dijadikan rujukan untuk menilai atau menyemak transaksi kewangan.


3.4.2 Kepentingan menyediakan rekod kewangan:

1. Mengetahui prestasi kewangan sama ada berlaku penjimatan atau sebaliknya.
2. Membolehkan untuk membuat perancangan kewangan bagi minggu/bulan/tahun seterusnya.
3. Mengesan rekod perbelanjaan dan simpanan seseorang.

3.4.3 Kaedah merekod kewangan:

1. Muat turun aplikasi merekod kewangan (perbelanjaan dan simpanan) melalui *App Store* atau *Play Store* seperti aplikasi *Money Manager*, *Money+ Cute Expense Tracker*.
2. Merekod atau mencatat kewangan secara manual seperti Buku 555, Lembaran Perbelanjaan.
3. Menyimpan resit perbelanjaan atau invois.

AKTIVITI 3: Bankaroo



<https://www.bankaroo.com/>

TOPIK 3.5

SIMPANAN & PERBELANJAAN

Hasil Pembelajaran

- Membandingkan kebaikan antara menyimpan dengan berbelanja.
- Menerangkan kesan berbelanja ke atas simpanan.
- Mengenal pasti tabiat sendiri terhadap simpanan dan perbelanjaan.

3.5.1 Simpanan & Perbelanjaan

Definisi:

Simpanan: Simpanan ialah duit yang diperuntukkan daripada sumber pendapatan dan disimpan untuk kegunaan semasa kecemasan.


Perbelanjaan: Wang yang dibayar sebagai upah atau gaji atas sesuatu produk atau khidmat seseorang. Penerangan berkenaan penerapan tabiat “*delayed gratification*” dan guru memainkan video berkenaan “*Marshmallow test*”.

3.5.2 Kesan berbelanja secara berlebihan

1. Membantu objektif kewangan yang disasari.
2. Tidak dapat mendisiplinkan diri.
3. Terdedah kepada risiko masalah kewangan pada masa akan datang.
4. Menyebabkan kita berhutang.

AKTIVITI 4: Peta Buih

Senaraikan kesan berbelanja secara berlebihan.





ELEMEN CK 4

SIMPANAN

& PELABURAN

TOPIK 4.1

SIMPANAN DAN PELABURAN

Hasil Pembelajaran

- Mengaitkan kepentingan menyimpan untuk mencapai keperluan matlamat kewangan masa hadapan.
- Menerangkan cara mengurangkan perbelanjaan untuk menambah simpanan.
- Mengenalinya cara-cara menyimpan.
- Membezakan dan memberi contoh simpanan/pelaburan.
- Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh 'bertambah' atau 'berkurangan'.
- Mengira faedah mudah/kompaun serta menerangkan kelebihan faedah kompaun.
- Menyediakan pelan simpanan berdasarkan matlamat.

4.1.1 Cara Menyimpan

Situasi 1: Ali memasukkan duit ke dalam tabung.

Watak	Skrip
Bella	Hai, Noah! Awak tidak pergi ke kantin?
Noah	Hai, Bella! Saya tidak ke kantin hari ni. Saya baru sahaja makan bekalan makanan saya di bawah pokok.
Bella	Bagusnya awak bawa bekalan makanan, Noah.
Noah	Ya, saya sedang menabung untuk membeli komputer riba untuk kelas robotik. Duit wang saku yang ayah saya beri hari ini saya akan masukkan ke dalam tabung. Nanti bila wang sudah cukup, saya boleh membelinya di kedai komputer.
Bella	Wah, bagusnya awak Noah!
Noah	Ya. Kita perlulah menabung supaya dapat mencapai matlamat kewangan pada masa hadapan seperti yang saya lakukan ini.
Bella	Baiklah, saya akan mula menabung. Saya pula mahu beli alatan tulis bagi kelas seni saya!.

Soalan:

a) **Mengapakah kita perlu menyimpan wang?**

Kita perlu menyimpan wang bagi mencapai keperluan matlamat kewangan pada masa hadapan.

b) **Apakah cara untuk mengurangkan perbelanjaan dan menambah simpanan?**

- DIY – hasilkan sendiri barangan, hiasan, kad menggunakan bahan-bahan terpakai.
- Bawa bekal makanan sendiri ke sekolah.
- Membeli dengan bijak – beli barangan yang perlu.
- Jimat tenaga – tutup suis yang tidak digunakan.
- Berjalan, berbasikal atau guna pengangkutan awam.
- Melakukan aktiviti dengan kos yang rendah atau yang tidak melibatkan duit seperti bermain di taman permainan, bermain papan permainan di perpustakaan komuniti.



AKTIVITI 1: *Track Your Record*

Arahan:

1. Guru mengedarkan lembaran kerja '*Track Your Budget*'.
2. Guru menerangkan tugas yang perlu diselesaikan oleh murid.
3. Murid menyiapkan lembaran kerja dengan merekod wang yang diterima serta perbelanjaan harian mereka di sekolah/rumah selama seminggu.
4. Murid membentangkan perbelanjaan mingguan mereka semasa perjumpaan kelab pada minggu seterusnya.

Name: _____

Track your Budget



Over a period of 7 days you're going to record when you gain "money", and when you spend "money". Then, we'll take those numbers and estimate your future budget.

Due Date: _____

Date	Chore done or Reward bought	+/- Amount	\$\$ Left



© Wool Jr. Kids Activities, LLC. All Rights Reserved. Find us @ WoolJr.com.

4.1.2 Bagaimanakah cara menyimpan wang secara bijak?

- **Menabung** – Murid boleh menyimpan lebih wang belanja harian ke dalam tabung.
- **Akaun simpanan di bank** – Setelah wang tabung penuh, murid boleh memasukkan wang tersebut ke dalam akaun simpanan di bank-bank seperti akaun BSN Smart Junior.
- **Pelaburan** – Apabila wang di dalam akaun simpanan mencapai jumlah yang banyak, murid boleh melabur sejumlah kecil dari wang simpanan tersebut ke dalam skim pelaburan yang berautoriti.

4.1.3 Perbezaan akaun simpanan dan akaun semasa.

Akaun Simpanan	Perbezaan	Akaun Semasa
Akaun Simpanan membenarkan deposit dan pengeluaran pada bila-bila masa sambil memperoleh faedah	Definisi	Akaun Semasa dimana wang boleh didepositkan dan dikeluarkan pada bila-bila masa sahaja yang anda mahu menggunakan buku cek, kad ATM dan kaedah lain.
<ul style="list-style-type: none"> • Buku simpanan • Kad ATM/Debit • Penyata dalam talian/<i>hardcopy</i> 	Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> • Buku simpanan • Kad ATM/Debit • Penyata dalam talian/<i>hardcopy</i> • <i>Overdraft</i>
Anda boleh mengeluarkan wang anda pada bila-bila masa	Pengeluaran tunai	Anda boleh mengeluarkan wang anda pada bila-bila masa
Terdapat yuran dan caj dikenakan	Yuran dan caj	Terdapat yuran dan caj dikenakan

4.1.4 Simpanan Tetap (*Fixed Deposit / Term Deposit*)

Definisi

- Akaun deposit tetap atau simpanan tetap adalah sejenis skim pelaburan yang ditawarkan oleh bank untuk membantu kita menguruskan simpanan. Perkhidmatan kewangan ini memberikan anda kadar faedah tetap terhadap simpanan dengan menerima keuntungan pada tempoh matang.
- Deposit tetap atau turut dikenali sebagai simpanan tetap merupakan sejenis akaun bank yang membolehkan anda melakukan simpanan untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan sama ada tiga bulan, enam bulan atau 12 bulan bergantung pada keperluan anda.
- Secara asasnya, anda bersetuju untuk tidak mengusik atau mengeluarkan dana tersebut untuk jangka masa tertentu dan anda akan menerima satu kadar tetap daripada bank apabila tempoh itu matang sebagai pulangan.

Manfaat

- Ia adalah pilihan pelaburan bebas risiko dan selamat.
- Ia mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi berbanding dengan akaun simpanan biasa dan memberi pulangan yang dijamin.
- Deposit tetap adalah fleksibel daripada segi tempoh dan amaun untuk melabur
- Jumlah deposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000

AKTIVITI 2: Permainan *Cashflow Online 101*



Murid bermain permainan kewangan dalam talian dengan bimbingan guru.

<https://www.richdad.com/promotions/cashflow-classic-evergreen>

TOPIK 4.2

KEBAIKAN MENYIMPAN DAN MELABUR WANG

Hasil Pembelajaran

- Menyenaraikan kebaikan menyimpan atau melabur wang di institusi kewangan.
- Mengenal pasti pelbagai pilihan menyimpan atau melabur.

4.2.1 Mengenalpasti kebaikan menyimpan dan melabur wang

- i. Membantu meningkatkan potensi pulangan wang.
- ii. Mengatasi susut nilai disebabkan inflasi.
- iii. Lebih selamat kerana di jamin kerajaan dan PIDM.
- iv. Dapat mengekang sifat berbelanja yang berlebihan.
- v. Memberi jaminan sekuriti di hari kecemasan dan persaraan.

4.2.2 Terdapat pelbagai pilihan tempat simpanan dan pelaburan

- i. BSN – BSN Smart Junior
- ii. Tabung Haji
- iii. Amanah Saham Bumiputra (PNB)
- iv. Unit Amanah
- v. Simpanan Tetap (Fixed Deposit)
- vi. Hartanah
- vii. Emas & Perak

AKTIVITI 3: Pilih yang betul
Klasifikasikan pilihan di tempat yang betul


Simpanan	Pelaburan

TOPIK 4.3

MEMAHAMI KAITAN ANTARA RISIKO DENGAN PULANGAN PELABURAN

Hasil Pembelajaran

- Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh bertambah.
- Menerangkan cara nilai sesuatu pelaburan boleh berkurangan.



4.3.1 Apakah erti risiko dalam pelaburan?

Risiko adalah keadaan yang tidak pasti yang akan berlaku dan menjejaskan pelaburan.

Hipotesis : Semakin tinggi pulangan yang disasar, semakin tinggi pendedahan risiko.


Contoh: Perniagaan, saham

4.3.2 Faktor bertambah dan berkurangan risiko pelaburan

- a) Ekonomi – 4 musim
- b) Politik
- c) Peperangan
- d) Pandemik

AKTIVITI 4: GRAF RISIKO-PULANGAN

Arahan: Isikan tempat kosong dengan pelaburan-pelaburan yang disenaraikan di bawah berdasarkan risiko dan pulangan.



ELEMEN CK 5

PENGURUSAN KREDIT & HUTANG

TOPIK 5.1

KREDIT & HUTANG

Hasil Pembelajaran

- Memahami kebaikan/kelemahan kredit/hutang.
- Menjelaskan kegunaan kredit/hutang.
- Menjelaskan pentingnya untuk membayar hutang/kredit.

5.1.1 Memahami kebaikan / kelemahan kredit / hutang

- **Konsep / definisi kredit / hutang**
Kredit merupakan pinjaman/pembiayaan iaitu kemudahan menanggukkan pembayaran barangan yang dibeli atau sejumlah wang yang dipinjam dari institusi kewangan.

5.1.2 Jenis – jenis kredit:


- **Kredit bank / syarikat kewangan**
Bank memberikan pinjaman/pembiayaan dan kemudahan kredit kepada pelanggan. Kemudahan kredit yang diberikan adalah berdasarkan kelayakan kredit, analisis penyata kewangan dan nilai aset yang diberikan oleh pengguna sebagai jaminan. Contoh kredit pengguna adalah pinjaman/pembiayaan gadai janji, kemudahan kredit tunai, pinjaman/pembiayaan perumahan, dan lain-lain surat kredit, jaminan bank, potongan harga bil pertukaran juga termasuk di bawah kemudahan kredit bank.
- **Kredit ansuran**
Apabila kita mendapat kredit dari bank dengan cara pinjaman/pembiayaan, bank menetapkan ansuran bulanan tetap yang perlu dilunaskan berserta keuntungan/faedah bagi jangka waktu tertentu sehingga pinjaman/pembiayaan dapat dibayar kembali bersama dengan faedah/keuntungan. Di sini bank atau syarikat kewangan mengenakan denda sekiranya peminjam tidak dapat membayar ansuran.

- **Kredit perkhidmatan**

Perkhidmatan kredit diberikan untuk perkhidmatan yang diperoleh lebih awal. Seperti bil elektrik, bil telefon, dan semua bil pasca bayar adalah contoh kredit perkhidmatan. Pembiayaan kredit perkhidmatan dibenarkan membayar setelah memanfaatkan perkhidmatan tersebut pada selang waktu yang tetap. Tetapi jika penerima perkhidmatan gagal membayar pada selang waktu tetap, ia boleh mengakibatkan pembatalan perkhidmatan atau denda untuk pembayaran lewat.



Aktiviti 1 : Nyatakan Jenis-Jenis Kredit



TOPIK 5.2

KAD KREDIT & KAEDAH PEMBAYARAN

Hasil Pembelajaran

- Menjelaskan penggunaan kredit.
- Mengenal pasti masa atau situasi yang sesuai untuk menggunakan kad kredit.

5.2.1 Definisi kad kredit

- Kad kredit ialah sejenis bayaran ansuran yang membolehkan anda membeli barangan atau servis tanpa menggunakan wang tunai di pelbagai jenis kedai di seluruh dunia.
- Keupayaan untuk membeli sesuatu dengan jaminan untuk membayar pada masa akan datang.

5.2.2 Mengenalpasti penggunaan kad kredit secara berhemah.

- Menyelesaikan hutang kredit secepat mungkin.
- Memastikan tiada pembayaran tersembunyi.
- Membuat pembayaran yang melebihi had bayaran minimum menggunakan kad kredit hanya untuk situasi kecemasan.
- Mengehadkan bilangan kad kredit yang dimiliki.

5.2.3 Mengenali cara kaedah pembayaran.

- **Kad debit**

Jumlah pembayaran akan ditolak dengan jumlah baki yang ada dalam akaun pada masa tersebut.

- **Kad kredit**

Kad kredit ialah sejenis bayaran ansuran yang membolehkan pengguna untuk membeli barangan atau servis tanpa menggunakan wang tunai di pelbagai jenis kedai di seluruh dunia. Contoh kad kredit yang biasa digunakan ialah Visa dan Mastercard. Apabila menggunakan kad kredit, bank pengeluar kad kredit akan membayar bagi pihak pengguna dan hantarkan bil kepada pengguna dalam bentuk kenyataan bulanan. Pengguna dihendaki membayar penuh atau sekurang-kurangnya bayaran minimum sebelum tarikh tamat.

- **E-wallet**

Berfungsi sebagai dompet digital iaitu menyimpan maklumat seperti kad debit, kad kredit, dan juga maklumat akaun bank kita dalam satu aplikasi.


a. Contoh e-wallet yang berdaftar di Malaysia adlah seperti Boost, GrabPay, WeChat Pay, Touch n Go Wallet, BigPay, FavePay, SamsungPay, Paypal, VCash, MPay, KiplePay, RazerPay, Ipay88, Payfy, MCash, Setel, UOB TMRW

- **DuitNow**

Merupakan perkhidmatan perbankan baru yang memudahkan pengguna membuat pindaan wang kepada seseorang dan tidak terikat kepada penggunaan nombor akaun bank semata-mata.

AKTIVITI 2

1. Senaraikan kaedah pembayaran yang telah dipelajari



ELEMEN CK 6

PENGURUSAN RISIKO, PERLINDUNGAN & TAKAFUL/INSURANS



TOPIK 6.1

MEWUJUDKAN STRATEGI BAGI PELINDUNGAN IDENTITI

Hasil Pembelajaran

- Menyenaraikan maklumat peribadi yang tidak boleh didedahkan kepada orang lain.
- Menerangkan takaful/insurans dapat mengurangi bebanan akibat kemalangan, sakit, kematian dan lain-lain.
- Memahami kepentingan dokumen bertulis dan jenis perlindungan untuk murid.

6.1.1 Apakah Maklumat Peribadi?

- Data peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang digunakan di dalam transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang subjek data yang dikenalpasti daripada maklumat tersebut.

6.1.2 Jenis-Jenis Data Peribadi

- | | |
|---------------------------------|----------------------------|
| a. Nama dan alamat | b. Nombor kad pengenalan |
| c. Nombor pasport | d. Maklumat kesihatan |
| e. E-mel | f. Imej dalam rakaman CCTV |
| g. Maklumat dalam fail peribadi | h. Butiran akaun bank |
| i. Butiran kad kredit | |

AKTIVITI 1

1. *Hot Seat*

Murid akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil (4 sehingga 5 orang murid) dan secara bergilir-gilir murid dipilih untuk berada di tengah bulatan untuk menjawab soalan daripada murid lain. Contoh soalan yang boleh digunakan semasa interaksi antara murid adalah seperti berikut:

Contoh Soalan:

- i. Nama murid
- ii. Jantina
- iii. Bangsa
- iv. Ciri khas (warna mata, warna kulit, jenis rambut dan sebagainya)

Nota: Guru memainkan peranan dengan menerangkan kepada murid bahawa setiap orang memiliki identiti tersendiri.


Dalam menerangkan sifat-sifat setiap murid yang berlainan, terdapat beberapa maklumat yang dianggap peribadi untuk didedahkan. Antara maklumat peribadi yang tidak boleh didedahkan kepada orang lain adalah seperti berikut: Nota: (Infografik) (Disediakan oleh BSN)

- i. Maklumat Pengenalan Diri (Sijil Lahir, Mykid, Kad Pengenalan)
- ii. Maklumat Akaun Bank (BSN Junior Account, BSN MyFirst, atau Akaun Peribadi)
- iii. Maklumat Kad Kredit dan Kad Debit

Setiap murid perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga maklumat peribadi bagi mengelakkan maklumat tersebut dicuri dan disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

AKTIVITI 2: *Learning Walk*

- Murid dibekalkan dengan peta minda atau kertas sebak yang dilabel dengan Maklumat Peribadi.
- Murid dikehendaki mengisi bahan-bahan yang disediakan mengikut kumpulan maklumat peribadi yang tepat.
- Bahan maujud: Salinan (Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil Lahir, Gambar Murid, Buku Bank, Penyata Bank, Kad Debit, Kad Kredit dan lain-lain maklumat yang dirasakan sesuai)



TOPIK 6.2

RISIKO TERHADAP INDIVIDU

Hasil Pembelajaran

- Memahami definisi risiko
- Mengetahui jenis-jenis risiko kepada individu.

6.2.1 Definisi Risiko

- Risiko ialah konsep yang memperihalkan kebarangkalian berlakunya kemungkinan tertentu. Sebenarnya, tanggapan risiko tidak bergantung pada tanggapan nilai, oleh itu kemungkinan berkenaan tidak kira baik mahupun buruk akibatnya. Sungguhpun begitu, secara amnya risiko membincangkan kesan buruk terhadap sesetengah ciri-ciri nilai yang timbul akibat kejadian yang akan berlaku.

6.2.2 Jenis Risiko Individu



Kecurian



Peras Ugut



Kehilangan
/ keciciran wang
saku



Kebakaran



Kemalangan



Sakit kritikal

AKTIVITI 3: Simulasi

- **Dalam Rumah**

Kamu sedang membantu ibu kamu membersihkan rumah. Sedang kamu mengemop lantai, adik kamu yang sedang bermain di kawasan tersebut tergelincir kerana lantai licin. Lakonkan situasi tersebut dengan menyatakan bagaimana situasi tersebut diuruskan berpandukan cara asas menguruskan risiko.

- **Dalam Kawasan Sekolah**

Kamu dan rakan-rakan sedang menuruni tangga menuju ke Makmal Sains. Tiba-tiba salah seorang rakan kamu terjatuh dan mengalami kecederaan. Lakonkan situasi tersebut dengan menyatakan bagaimana situasi tersebut diuruskan berpandukan cara asas menguruskan risiko.

- **Luar Kawasan Sekolah**

Kamu sedang menunggu ayah kamu menjemput kamu pulang dari sekolah di kawasan perhentian bas. Tiba-tiba rakan kamu yang sedang melintas jalan dilanggar oleh motosikal. Lakonkan situasi tersebut dengan menyatakan bagaimana situasi tersebut diuruskan berpandukan cara asas menguruskan risiko.

- **Luar Kawasan Sekolah Ketika Mewakili Sekolah**

Kamu terpilih mewakili sekolah untuk Kejohanan Hoki Peringkat Daerah bagi sekolah kamu. Ketika hari pertandingan, salah seorang rakan sepasukan kamu mengalami kecederaan ketika dalam gelanggang. Lakonkan situasi tersebut dengan menyatakan bagaimana situasi tersebut diuruskan berpandukan cara asas menguruskan risiko.

TOPIK 6.3

MENERANGKAN TUJUAN DAN KEPENTINGAN PERLINDUNGAN INSURANS DAN TAKAFUL

Hasil Pembelajaran

- Mengetahui definisi asuransi / takaful dan jenis-jenis asuransi / takaful
- Mendapat kesadaran tentang pentingnya asuransi / takaful

6.3.1 Definisi Asuransi & Takaful

- **Asuransi**

Definisi : perjanjian tanggungan yg dibuat oleh seseorang syarikat utk mengganti kerugian dan bayaran premium tertentu.

Sumber : Dewan Bahasa dan Pustaka

- **Takaful**

“Takaful” bermaksud suatu perkiraan berdasarkan bantuan bersama di mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada dana bersama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang perlu dibayar kepada peserta takaful atau beneficiaries mereka apabila berlaku kejadian yang telah dipersetujui.

Sumber : PruBSN

6.3.2 Jenis Insurans

Takaful / Insurans nyawa

Takaful / Insurans kesihatan

Takaful / Insurans rumah

Takaful / Insurans kebakaran

Takaful / Insurans kereta

6.3.4 Kepentingan Insurans / Takaful

- Membayar sepenuhnya atau sebahagian bil hospital pada waktu kecemasan.
- Persediaan ketika waktu kecemasan tidak diduga.
- Membantu ketika dana kecemasan tidak mencukupi.
- Menanggung waris jika berlaku musibah (kematian, kecacatan kekal)



Aktiviti 4: Pembentangan

- Tayangan video atau keratan akhbar berkaitan kemalangan, bencana alam dan lain-lain situasi yang dirasakan sesuai.
- Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan berbincang berkaitan video atau keratan akhbar yang dibaca.
- Murid membentangkan dapatan perbincangan dengan menerangkan bagaimana insurans dapat mengurangkan bebanan akibat kemalangan, sakit, kematian, dan lain-lain yang dirasakan sesuai.
- Guru merumuskan hasil pembentangan murid dengan mengaitkan objektif selari dengan topik.



